

Produk: actisolve® alcowipes

# HELAIAN DATA KESELAMATAN

berdasarkan Sistem Pengelasan dan Pelabelan Bahan Kimia yang Diharmonikan Secara Global (GHS)

## BAHAGIAN 1: PENGENALPASTIAN

### Pengenalpastian produk

Nama produk: actisolve® alcowipes  
Jenis bahan: Campuran  
Kegunaan bahan/campuran: Disinfektan permukaan

### Kegunaan bahan atau campuran yang dikenalpasti serta berkaitan dan kegunaan yang tidak sesuai

Kegunaan yang dikenalpasti: actisolve® alcowipes adalah lap disinfektan sedia guna untuk disinfeksi tanpa sisa pada permukaan peranti perubatan bukan invasif yang tahan alkohol seperti meja bedah, kerusi rawatan, dan peralatan perubatan.

Penggunaan yang tidak digalakkan: Dilarang guna untuk tujuan lain selain yang tertera.

Sekatan yang disarankan dalam penggunaan: Untuk kegunaan profesional sahaja.

### Butiran pembekal helaian data keselamatan

#### Pengeluar

Alamat: United Disinfectant Manufacturers AG  
Dr. Grass-Strasse 12  
9490 Vaduz  
Liechtenstein

Telefon: +423 237 15 03

E-mel: info@udm.li

Laman web: www.udm.li

#### Pengguna hiliran/pengimport/pengedar

Alamat: United Disinfectant Manufacturers AG  
Dr. Grass-Strasse 12  
9490 Vaduz  
Liechtenstein

Telefon: +423 237 15 03

E-mel: info@udm.li

Laman web: www.udm.li

### Nombor telefon kecemasan

Nombor telefon kecemasan: 999 / +60 4657 0099 / +60 (0)12 430 9499

\* Sila semak nombor di atas secara berkala kerana mungkin tertakluk kepada perubahan.

## BAHAGIAN 2: PENGENALAN BAHAYA

### Pengelasan bahan atau campuran

#### Pengelasan berdasarkan kriteria UN GHS

| Jenis bahaya     | Kategori bahaya | Kod pernyataan bahaya | Prosedur pengelasan                           |
|------------------|-----------------|-----------------------|-----------------------------------------------|
| Hazard fizikal   | Flam. Liq. 3    | H226                  | Berdasarkan data ujian.                       |
| Hazard kesihatan | Eye Irrit. 2    | H319                  | Pengelasan yang diharmonikan (undang-undang). |

Produk: actisolve® alcowipes

Teks penuh untuk pernyataan bahaya disenaraikan di bahagian 16.

## Unsur label

### Pelabelan berdasarkan kriteria UN GHS

Piktogram bahaya:



GHS02



GHS07

|                          |                      |                                                                                                                                                               |
|--------------------------|----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kata isyarat:            | Amaran               |                                                                                                                                                               |
| Pernyataan bahaya:       | H226                 | Cecair dan wap mudah terbakar.                                                                                                                                |
|                          | H319                 | Menyebabkan kerengsaan mata yang serius.                                                                                                                      |
| Pernyataan berjaga-jaga: | P210                 | Jauhkan daripada haba/percikan api/nyalaan terbuka/permukaan panas. Dilarang merokok.                                                                         |
|                          | P233                 | Pastikan bekas ditutup dengan ketat.                                                                                                                          |
|                          | P280                 | Pakai sarung tangan pelindung/pakaian pelindung/perindungan mata/perindungan muka.                                                                            |
|                          | P305 + P351 + P338   | JIKA TERKENA MATA: Bilas berhati-hati dengan air selama beberapa minit. Tanggalkan kanta lekak, jika ada dan dapat dilakukan dengan mudah. Teruskan membilas. |
|                          | P337 + P313          | Jika kerengsaan mata berterusan: Dapatkan nasihat/rawatan perubatan.                                                                                          |
|                          | P501                 | Lupuskan kandungan/bekas menurut peraturan tempatan/kebangsaan.                                                                                               |
| Maklumat tambahan:       | Tidak berkaitan.     |                                                                                                                                                               |
| Bahaya-bahaya lain:      | Tiada data tersedia. |                                                                                                                                                               |

## BAHAGIAN 3: KOMPOSISI/MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN

### Bahan-bahan

Lihat di bawah.

### Campuran

#### Pengelasan berdasarkan kriteria UN GHS

| Nama bahan  | Pengenalanpastian                                                                                     | Pengelasan                                                  | SCL, faktor M, ATE   | Kepekatan   |
|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|----------------------|-------------|
| Etanol      | No. CAS: 64-17-5<br>No. EC: 200-578-6<br>No. indeks: 603-002-00-5<br>No. REACH: 01-2119457610-43-0350 | Flam. Liq. 2, H225                                          | Tiada data tersedia. | 30% - < 50% |
| Propan-2-ol | No. CAS: 67-63-0<br>No. EC: 200-661-7<br>No. indeks: 603-117-00-0<br>No. REACH: 01-2119457558-25-0000 | Eye Irrit. 2, H319<br>Flam. Liq. 2, H225<br>STOT SE 3, H336 | Tiada data tersedia. | 15% - < 30% |

Teks penuh untuk pernyataan bahaya disenaraikan di bahagian 16.

## BAHAGIAN 4: LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN CEMAS

### Penerangan langkah-langkah pertolongan cemas

|            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nota umum: | Jangan berikan apa-apa melalui mulut kepada pesakit yang tidak sedarkan diri.<br>Tempatkan pesakit dengan posisi pemulihan dan pastikan patensi laluan pernafasan.<br>Jika ragu-ragu atau rasa tidak sihat, segera dapatkan bantuan perubatan. Tunjukkan helaian data keselamatan dan label kepada doktor. |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

---

**Produk: actisolve® alcowipes**

---

|                        |                                                                                                                                                                                                                                           |
|------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Selepas tersedut:      | Pindahkan pesakit untuk mendapatkan udara segar - keluar dari kawasan berbahaya. Dapatkan bantuan perubatan profesional.                                                                                                                  |
| Selepas terkena kulit: | Tanggalkan semua pakaian yang tercemar. Bahagian badan yang tersentuh dengan produk mesti dibilas dengan air. Jika terdapat gejala yang muncul dan berterusan, dapatkan bantuan perubatan.                                                |
| Selepas terkena mata:  | Segera siram mata dengan air yang mengalir sambil membuka kelopak mata. Jika kerengsaan berterusan, dapatkan rawatan perubatan profesional.                                                                                               |
| Selepas tertelan:      | Jangan memaksa untuk muntah. Bilas mulut secara menyeluruh dengan air. Jangan berikan apa-apa melalui mulut kepada pesakit yang tidak sedarkan diri. Dapatkan nasihat doktor. Tunjukkan helaian data keselamatan dan label kepada doktor. |

**Gejala dan kesan paling penting, akut dan tertunda**

Lihat bahagian 11 untuk maklumat yang lebih terperinci berkenaan kesan dan gejala kesihatan.

**Indikasi sebarang perhatian perubatan dan rawatan khusus segera yang diperlukan**

Rawat secara simptomatik.

---

**BAHAGIAN 5: LANGKAH-LANGKAH PEMADAMAN KEBAKARAN**

---

**Bahan pemadam api**

|                                      |                                                                         |
|--------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| Bahan pemadam api yang sesuai:       | Karbon dioksida. Serbuk kimia kering. Semburan air. Buih tahan alkohol. |
| Bahan pemadam api yang tidak sesuai: | Pancutan air penuh.                                                     |

**Bahaya khusus yang timbul daripada bahan atau campuran**

|                                            |                                                                                |
|--------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|
| Bahaya khusus semasa memadamkan kebakaran: | Jika berlaku kebakaran, gas toksik boleh dihasilkan; jangan menghidu gas/asap. |
| Produk pembakaran berbahaya:               | Tiada data tersedia.                                                           |

**Saranan untuk ahli bomba**

|                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Peralatan perlindungan khas untuk ahli bomba: | Ahli bomba perlu memakai pakaian perlindungan yang sesuai bagi ahli bomba (termasuk topi keledar, but pelindung dan sarung tangan) (BS EN 469) dan alat pernafasan serba lengkap (SCBA) dengan penutup muka penuh (BS EN 137).                                                                                                                                                       |
| Maklumat tambahan:                            | Jika berlaku kebakaran atau pemanasan, jangan hidu bau asap/wap. Tindakan tidak boleh diambil sekiranya melibatkan sebarang risiko peribadi atau tanpa latihan yang sesuai. Pemanasan berpanjangan boleh menyebabkan letupan. Wap boleh membentuk campuran letupan dengan udara. Sejukkan bekas yang berisiko dengan sembur air. Jika boleh, keluarkan bekas dari kawasan berbahaya. |

---

**BAHAGIAN 6: LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TIDAK SENGAJA**

---

**Pengawasan diri, peralatan perlindungan dan prosedur kecemasan**

|                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|-------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Saranan untuk kakitangan bukan kecemasan: | Guna peralatan perlindungan diri (bahagian 8). Pastikan pengudaraan yang mencukupi. Jauhi sumber yang mencucuh dan/atau haba; Jangan merokok. Tindakan tidak boleh diambil sekiranya melibatkan sebarang risiko peribadi atau tanpa latihan yang sesuai. Halang akses kepada kakitangan yang tidak dilindungi. Kosongkan zon bahaya. Jangan sedut wap atau kabus. Elakkan sentuhan dengan kulit, mata dan pakaian. |
| Saranan untuk petugas kecemasan:          | Guna peralatan perlindungan diri.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |

Produk: actisolve® alcowipes

---

### Langkah melindungi alam sekitar

Jangan dibiarkan memasuki longkang atau saluran air. Elakkan produk daripada memasuki subtanah/tanah.

### Kaedah dan bahan untuk pembendungan dan pembersihan

Bendung tumpahan jika tiada risiko. Serap produk (dengan bahan lengai), kumpulkan dalam bekas khusus dan lupuskan dengan kontraktor pelupusan bahan berbahaya berlesen. Hanya gunakan instrumen dan peralatan kalis letupan. Guna alatan kalis percikan. Elakkan pelepasan ke dalam kumbahan, air, ruang bawah tanah atau ruang tertutup. Alihkan udara di dalam premis. Bersihkan kawasan tercemar menggunakan air yang banyak.

### Rujukan kepada bahagian lain

Lihat juga bahagian 7, 8 dan 13.

---

## BAHAGIAN 7: PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

---

### Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian selamat

|                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|-----------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Saranan umum:                                             | Gunakan pengudaraan ekzos umum atau setempat untuk mengelakkan daripada terhidu wap dan aerosol. Jangan buang ke dalam longkang, permukaan air dan tanah. Selepas digunakan, segera tutup bekas dengan rapat.                                                                                                                                                                   |
| Arahan untuk perlindungan terhadap kebakaran dan letupan: | Pastikan pengudaraan yang mencukupi.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| Saranan tentang kebersihan pekerjaan umum:                | Gunakan amalan kebersihan diri yang baik - basuh tangan setiap kali rehat dan selepas selesai menggunakan bahan. Jangan makan, minum atau merokok semasa bekerja. Jangan menghidu wap/kabus. Elakkan sentuhan dengan kulit, mata, dan pakaian. Tanggalkan pakaian yang tercemar dan basuh sebelum menggunakannya semula. Pakai alat perlindungan yang sesuai; lihat bahagian 8. |

### Syarat-syarat bagi penyimpanan selamat, termasuk sebarang ketidakserasian

|                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|---------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Keperluan bagi bilik dan bekas simpanan:    | Tutup bekas selepas guna. Letak bekas secara menegak untuk mengelakkan daripada kebocoran. Jangan simpan di dalam bekas yang tidak berlabel.                                                                                                                                                                            |
| Maklumat lanjut tentang kaedah penyimpanan: | Simpan di tempat yang dingin, kering dan mempunyai pengudaraan baik. Lindungi daripada api terbuka, haba dan cahaya matahari secara langsung. Jauhkan dari makanan, minuman dan makanan haiwan. Jauhkan dari bahan pengoksidaan. Jauhkan dari sumber pencucuhan api - jangan merokok. Hanya simpan di dalam bekas asal. |
| Penyimpanan dengan produk berbeza:          | Simpan berasingan dengan minuman, makanan dan makanan haiwan. Simpan berasingan dengan asid kuat, bes dan ejen pengoksidaan.                                                                                                                                                                                            |

### Kegunaan akhir khusus

Lihat kegunaan yang dikenalpasti dalam bahagian 1.

---

## BAHAGIAN 8: KAWALAN PENDEDAHAN/PERLINDUNGAN DIRI

---

### Parameter kawalan

#### Had pendedahan pekerjaan

Sila rujuk sumber teks edisi terkini yang sesuai dan dapatkan nasihat pakar kebersihan industri atau ahli profesional bersesuaian, atau agensi tempatan, untuk maklumat lanjut.

#### Nilai had biologi

Tiada had pendedahan biologi yang tercatat untuk bahan-bahan.

Produk: actisolve® alcowipes

---

### Kawalan kejuruteraan yang sesuai

Lihat bahagian 7. Langkah-langkah tambahan tidak diperlukan.

### Langkah-langkah perlindungan individu

|                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Perlindungan mata/muka:     | Pakai cermin mata pelindung (EN 166) semasa guna.                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| Perlindungan tangan:        | Sentuhan jangka masa pendek: Sarung tangan dengan Indeks Perlindungan sekurang-kurangnya Kelas 2 (EN 374, masa penelapan > 30 min) untuk sebatian Kelas A.<br>Sentuhan jangka masa panjang: Sarung tangan dengan Indeks Perlindungan sekurang-kurangnya Kelas 6 (EN 374, masa penelapan > 480 min) untuk sebatian Kelas A. (Kelas A: alkohol primer). |
| Perlindungan badan:         | Tidak diperlukan semasa penggunaan biasa.                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| Perlindungan pernafasan:    | Jangan menghidu gas/wap/aerosol.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Bahaya terma:               | Tiada data tersedia.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| Langkah-langkah kebersihan: | Gunakan amalan kebersihan diri yang baik – basuh tangan setiap kali rehat dan selepas selesai menggunakan bahan. Kendalikan mengikut amalan kebersihan dan keselamatan industri yang baik. Elakkan sentuhan dengan kulit, mata, dan pakaian. Jangan makan, minum atau merokok semasa bekerja. Jangan menghidu wap/aerosol.                            |

---

## BAHAGIAN 9: SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

---

### Maklumat tentang sifat asas fizikal dan kimia

|                                                    |                                                |
|----------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| Keadaan fizikal:                                   | Cecair                                         |
| Bentuk:                                            | Cecair yang diserapkan dengan kain bulu bebiri |
| Warna:                                             | Tidak berwarna                                 |
| Bau:                                               | Lemon                                          |
| Takat lebur:                                       | Tiada data tersedia.                           |
| Takat beku:                                        | Tiada data tersedia.                           |
| Takat didih atau takat didih awal dan julat didih: | Tiada data tersedia.                           |
| Kemudahbakaran:                                    | Produk ini mudah terbakar.                     |
| Had peletupan bawah:                               | Tiada data tersedia.                           |
| Had peletupan atas:                                | Tiada data tersedia.                           |
| Takat kilat:                                       | 23 °C                                          |
| Suhu penyalaan automatik:                          | Tidak menyala dengan sendiri.                  |
| Suhu penguraian:                                   | Tidak berkaitan.                               |
| pH (produk tidak dilarutkan):                      | 6.5 - 7.5                                      |
| pH (produk dilarutkan):                            | Tidak berkaitan (larutan sedia guna).          |
| Kelikatan kinematik:                               | Tiada data tersedia.                           |
| Keterlarutan:                                      | Bercampur sepenuhnya dengan air.               |
| Pekali setakan (n-oktanol/air):                    | Tidak berkaitan.                               |
| Tekanan wap pada suhu 50 °C:                       | Tiada data tersedia.                           |
| Ketumpatan:                                        | 0.92 g/cm <sup>3</sup>                         |
| Ketumpatan relatif:                                | 0.92                                           |
| Ketumpatan wap relatif pada suhu 20 °C:            | Tiada data tersedia.                           |

Produk: actisolve® alcowipes

---

### Maklumat lain

|                      |                                                    |
|----------------------|----------------------------------------------------|
| Cecair pengoksidaan: | Tidak teroksida.                                   |
| Sifat mudah letup:   | Wap boleh membentuk campuran letupan dengan udara. |
| Kadar penyejatan:    | Tiada data tersedia.                               |
| Kebolehcampuran:     | Bercampur sepenuhnya dengan air.                   |

---

## BAHAGIAN 10: KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

---

### Kereaktifan

Campuran ini tidak reaktif.

### Kestabilan kimia

Stabil dalam keadaan suhu dan tekanan yang normal sehingga tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bekas. Sentuhan dengan nyalaan terbuka boleh menyebabkan pembakaran.

### Kemungkinan berlakunya tindak balas berbahaya

Tiada reaksi berbahaya yang dikenalpasti dalam keadaan penggunaan biasa.

### Keadaan yang perlu dielakkan

Elakkan haba, api, percikan dan sumber pencucuhan lain. Bekas boleh pecah atau meletup jika terdedah kepada haba yang tinggi. Elakkan keadaan yang luar daripada yang dinyatakan dalam bahagian 7.

### Bahan-bahan tidak serasi

Elakkan sentuhan dengan bahan yang sensitif terhadap alkohol.

### Produk penguraian berbahaya

Tiada produk penguraian berbahaya yang berlaku dengan simpanan dan penggunaan biasa.

---

## BAHAGIAN 11: MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

---

### Maklumat kesan toksikologi

#### Maklumat tentang laluan pendedahan yang berkemungkinan

|                      |                                             |
|----------------------|---------------------------------------------|
| Penyedutan:          | Maklumat tentang kesan dinyatakan di bawah. |
| Sentuhan pada kulit: | Maklumat tentang kesan dinyatakan di bawah. |
| Eye contact:         | Maklumat tentang kesan dinyatakan di bawah. |
| Pengingesan:         | Maklumat tentang kesan dinyatakan di bawah. |

#### Ketoksikan akut

|           |                                                |
|-----------|------------------------------------------------|
| Campuran: | ATEmix: LD50 (tikus, pengingesan) > 5000 mg/kg |
| Komponen: | Tiada data tersedia.                           |

#### Kakisan/kerengsaan kulit

|           |                                                                                                  |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Campuran: | Tiada kerengsaan dijangka. Pendedahan berulang kali boleh menyebabkan kulit kering atau merekah. |
| Komponen: | Tiada data tersedia.                                                                             |

#### Kerosakan mata/kerengsaan mata yang serius

|           |                      |
|-----------|----------------------|
| Campuran: | Merengsakan mata.    |
| Komponen: | Tiada data tersedia. |

## Produk: actisolve® alcowipes

### Pemekaan pernafasan atau kulit

Campuran: Produk ini tidak diklasifikasikan sebagai memekakan.  
Komponen: Tiada data tersedia.

### Kemutagenan sel germa

Campuran: Bukan mutagen. Tidak mengandungi bahan-bahan yang mengandungi sifat mutagen yang diketahui.  
Komponen: Tiada data tersedia.

### Kekarsinogenan

Campuran: Tidak mengandungi bahan-bahan yang mempunyai sifat karsinogen yang diketahui.  
Komponen: Tiada data tersedia.

### Ketoksikan pembiakan

Campuran: Produk ini tidak mengandungi bahan-bahan yang menyebabkan kesan toksik yang diketahui terhadap pembiakan.  
Komponen: Tiada data tersedia.

### Ketoksikan organ sasaran khusus - dedahan tunggal

Campuran: Produk ini tidak mempamerkan pendedahan tunggal STOT yang diketahui.  
Komponen: Tiada data tersedia.

### Ketoksikan organ sasaran khusus - dedahan berulang

Campuran: Produk ini tidak mempamerkan pendedahan berulang STOT yang diketahui.  
Komponen: Tiada data tersedia.

### Bahaya penyedutan

Campuran: Produk ini tidak mempamerkan bahaya aspirasi yang diketahui.  
Komponen: Tiada data tersedia.

### Maklumat tentang bahaya-bahaya lain

Tiada data tersedia.

## BAHAGIAN 12: MAKLUMAT EKOLOGI

### Ketoksikan

Pembebasan jumlah yang terdapat dalam pembungkusan kami dijangka tidak mempunyai sebarang kesan toksik terhadap ekologi. Pembebasan beberapa bungkusan produk ini mempunyai kesan toksik sementara dan setempat terhadap organisma akua dan darat. Produk ini dijangka tidak mempunyai kesan negatif terhadap fungsi loji rawatan kumbahan. Tiada data tersedia dari ujian ekotoksikologi ke atas keseluruhan produk. Risiko ekotoksikologi telah dianggarkan berdasarkan data tersedia yang ada untuk bahan-bahan dan kepekatan produk.

### Ketegaran dan kebolehuraian

Bahan kandungan produk ini mempunyai sifat biodegradasi yang baik. Berdasarkan data tersedia, kebolehan biodegradasi dalam loji rawatan kumbahan boleh dikategorikan sebagai tinggi.

| Nama bahan  | Biodegradasi | Basis      | Catatan               |
|-------------|--------------|------------|-----------------------|
| Etanol      | 94%          | OECD 301 E | Tiada data tersedia.  |
| Propan-2-ol | 95%          | 21 D       | Mudah terbiodegradasi |

### Keupayaan bioakumulatif

Campuran: Berdasarkan data tersedia, tiada bahan-bahan dari produk ini yang dijangka menunjukkan potensi bioakumulatif.  
Komponen: Tiada data tersedia.

Produk: actisolve® alcowipes

---

### Kegerakan dalam tanah

Campuran:

Produk ini dijangka tidak mampu untuk mudah alih dalam jarak jauh kerana semua bahan dalam produk ini mempunyai kebolehan biodegradasi yang baik. Ketegangan permukaan dan penyerapan / penyahserapan kinetik adalah tidak relevan untuk produk ini.

Komponen:

Tiada data tersedia.

### Kesan-kesan buruk lain

Produk ini tidak mengandungi bahan-bahan yang mempunyai potensi untuk menyebabkan penipisan ozon atau pemanasan global. Produk ini tidak mengandungi logam berat atau sebatian yang dinyatakan dalam 2006/11/EG. Produk ini tidak mengandungi halogen organik yang boleh diserap (AOX). Produk ini mengandungi sebatian organik meruap (VOC).

---

## BAHAGIAN 13: PERTIMBANGAN PELUPUSAN

---

### Kaedah rawatan sisa

Kaedah pelupusan:

Lupuskan produk mengikut peraturan negara dan serantau. Kod buangan EWC Nr: 070699 (Kumpulan: bahan buangan MFSU dari produk lemak, pelincir, sabun, detergen, disinfektan dan perlindungan diri).

Pembungkusan terkontaminasi:

Pembungkusan yang kosong boleh diurus seperti sisa buangan rumah atau dikitar semula selepas dibasuh dengan air. Uruskan pembungkusan yang mengandungi produk dengan cara sama seperti produk itu sendiri. Sekiranya tersedia, rujukan kepada peraturan tempatan dinyatakan dalam bahagian 15, SDS. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengenali dan mematuhi peraturan yang berkenaan.

---

## BAHAGIAN 14: MAKLUMAT PENGANGKUTAN

---

Pengangkutan darat (ADR/ADN/RID)

### Nombor UN

UN 3175

### Nama pengiriman wajar UN

PEPEJAL MENGANDUNGI CECAIR MUDAH TERBAKAR, N.O.S. (Etanol, Propan-2-ol)

### Kelas bahaya pengangkutan

4.1

### Kumpulan pembungkusan

II | Label bahaya: 4.1 | LQ: 1 kg

### Bahaya alam sekitar

Bahaya alam sekitar: Tidak

### Peringatan khas untuk pengguna

Lihat bahagian 6 sehingga 8.

Produk: actisolve® alcowipes

---

## Pengangkutan laut (IMDG/IMO)

### Nombor UN

UN 3175

### Nama pengiriman wajar UN

PEPEJAL MENGANDUNGI CECAIR MUDAH TERBAKAR, N.O.S. (Etanol, Propan-2-ol)

### Kelas bahaya pengangkutan

4.1

### Kumpulan pembungkusan

II | Label bahaya: 4.1 | LQ: 1 kg

### Bahaya alam sekitar

Bahaya alam sekitar: Tidak

Pencemaran marin: Tidak

### Peringatan khas untuk pengguna

Lihat bahagian 6 sehingga 8.

### Pengangkutan maritim secara pukal mengikut instrumen IMO

Tidak berkaitan bagi produk seperti yang dibekalkan.

## Pengangkutan udara (IATA)

### Nombor UN

UN 3175

### Nama pengiriman wajar UN

PEPEJAL MENGANDUNGI CECAIR MUDAH TERBAKAR, N.O.S. (Etanol, Propan-2-ol)

### Kelas bahaya pengangkutan

4.1

### Kumpulan pembungkusan

II | Label bahaya: 4.1 | LQ: 1 kg

### Bahaya alam sekitar

Bahaya alam sekitar: Tidak

### Peringatan khas untuk pengguna

Lihat bahagian 6 sehingga 8.

Produk: actisolve® alcowipes

---

## BAHAGIAN 15: MAKLUMAT PENGAWALSELIAAN

---

### Peraturan/perundangan keselamatan, kesihatan, dan alam sekitar yang khusus untuk bahan atau campuran

Produk ini telah dikelaskan dan ditanda mengikut Sistem Pengelasan dan Pelabelan Bahan Kimia yang Diharmonikan Secara Global (GHS). Produk ini mematuhi syarat-syarat Peraturan (EC) No. 1907/2006 (REACH), Peraturan (EC) No. 648/2004 (Peraturan Detergen), Peraturan (EU) No. 528/2012 (Peraturan Biosid), Arahan 93/42/EC (Arahan Peranti Perubatan), dan Peraturan (EU) No. 2017/745 untuk peranti perubatan (MDR), jika berkaitan.

---

## BAHAGIAN 16: MAKLUMAT LAIN

---

### Indikasi perubahan

- 2.1 Pengelasan bahan atau campuran - Dikemaskini.
- 2.2 Unsur label - Dikemaskini.

### Singkatan dan akronim

ADN - Perjanjian Eropah berkenaan Pengangkutan Antarabangsa Barangan Berbahaya melalui Laluan Air Pendalaman  
ADR - Perjanjian Eropah berkenaan Pengangkutan Antarabangsa Barangan Berbahaya melalui Jalan Raya  
ASTM - Persatuan Pengujian dan Bahan Amerika  
AwSV - Ordinan berkenaan fasiliti untuk pengendalian bahan berbahaya terhadap pengairan  
BOD - Permintaan Oksigen Biokimia  
c.c. - Cawan tertutup  
CAS - Perkhidmatan Abstrak Kimia  
CESIO - Jawatankuasa Eropah untuk Surfaktan Organik dan Perantaraan Mereka  
COD - Permintaan Oksigen Kimia  
DMEL - Tahap Kesan Minimum Yang Diperoleh  
DNEL - Tahap Tiada Kesan Yang Diperoleh  
EbC50 - Kepekatan median dari segi pengurangan pertumbuhan  
EC - Kepekatan efektif  
EINECS - Inventori Eropah untuk Bahan Kimia Komersial Sedia Ada  
EN - Norma Eropah  
ErC50 - Kepekatan median dari segi pengurangan kadar pertumbuhan  
GGVSEB - Ordinan Jerman untuk pengangkutan laluan jalan raya, landasan dan air pendalaman bagi barangan berbahaya  
GGVSee - Ordinan Jerman untuk pengangkutan laluan laut bagi barangan berbahaya  
GLP - Amalan Makmal yang Baik  
GMO - Organisma Terubah Suai Secara Genetik  
IATA - Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa  
ICAO - Organisasi Penerbangan Awam Antarabangsa  
IMDG - Barangan Berbahaya Maritim Antarabangsa  
ISO - Pertubuhan Pemiawaian Antarabangsa  
LD/LC - Dos/kepekatan maut  
LOAEL - Tahap Kesan Mudarat Diperhatikan Terendah  
LOEL - Tahap Kesan Diperhatikan Terendah  
LQ - Kuantiti Terhad  
M-Factor - Faktor pendaraban  
NOAEL - Tahap Tiada Kesan Mudarat Diperhatikan  
NOEC - Kepekatan Tiada Kesan Diperhatikan  
NOEL - Tahap Tiada Kesan Diperhatikan  
o.c. - Cawan terbuka  
OECD - Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi  
OEL - Had Pendedahan Pekerjaan  
PBT - Berterusan, bioakumulatif, toksik  
PNEC - Kepekatan Tiada Kesan Diramalkan  
REACH - Pendaftaran REACH

Produk: actisolve® alcowipes

---

RID - Konvensyen berkenaan Pengangkutan Antarabangsa melalui Landasan  
SVHC - Bahan yang Sangat Membimbangkan  
TA - Arahan Teknikal  
TRGS - Peraturan Teknikal untuk Bahan Berbahaya  
vPvB - Sangat berterusan, sangat bioakumulatif  
WGK - Kelas Bahaya Air

### Rujukan penulisan utama dan sumber data

Tiada data tersedia.

### Senarai frasa yang berkaitan

H225 Cecair dan wap amat mudah terbakar.  
H226 Cecair dan wap mudah terbakar.  
H319 Menyebabkan kerengsaan mata yang serius.  
H336 Boleh menyebabkan mengantuk atau kepeningan.

### Saranan untuk latihan

Patuhi undang-undang kebangsaan yang dikuatkuasa untuk arahan pekerja.

Maklumat di atas menghuraikan secara eksklusif syarat-syarat keselamatan produk berdasarkan pengetahuan semasa. Maklumat ini bertujuan untuk memberikan anda peringatan tentang pengendalian secara selamat untuk produk yang dinyatakan dalam helaian data keselamatan ini, dari segi penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan dan pelupusan. Maklumat ini tidak boleh diguna pakai untuk produk lain. Jika terjadinya percampuran produk ini dengan produk lain atau dalam kes pemprosesan, maklumat dalam helaian data keselamatan ini tidak semestinya sah untuk bahan campuran baharu tersebut.